

Clarence Malakun dilantik pemegang Kursi Kadazan Dusun UMS

UB 14.09.2023 P.06



PENAMPANG: Timbalan Presiden Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA) Datuk Seri Dr. Clarence Bongkos Malakun (**gambar**) menjadi tokoh masyarakat pertama memegang Kursi Kadazan Dusun Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Clarence yang juga Konsul Kehormat Romania di Sabah mengesahkan menerima

hantaran pelantikan itu dari pada pegawai utama UMS untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 September tahun ini.

“Saya akan memulakan tugas dengan mendengar taklimat mengenai fungsi kursi berkenaan khususnya dalam melaksanakan kajian dan penerbitan berkaitan masyarakat Anak Negeri Sabah,” katanya dalam

kenyataan di sini semalam. Turut dinyatakan dalam kandungan surat pelantikan ialah Clarence diberi gelaran ‘Profesor’ sepanjang tempoh bertugas sebagai pemegang Kursi Kadazan Dusun UMS.

Kursi berkenaan diperkenalkan pada 1999 ketika Tan Sri Bernard Giluk Dompok menjadi Ketua Menteri Sabah dengan suntikan dana

penyelidikan RM2 juta dari kerajaan negeri.

Kemudian kursi itu dipegang oleh Ahli Akademik Prof. Dr. Jacqueline P. Kittingan dan diikuti oleh Prof. Madya Dr. Andreas Totu.

Clarence dari Kampung Limbanak Penampang adalah graduan dari United Kingdom yang pernah berkhidmat dengan syarikat multinasional, pegawai

daerah dan setiausaha tetap kementerian sebelum menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah.

Sebagai ahli politik bermula 1985, Clarence pernah dilantik sebagai Timbalan Speaker DUN Sabah dan Pengurus Eksekutif Sabah Forest Industries (SFI).

Setelah meninggalkan kerjaya politik 20 tahun lalu, beliau pernah dilantik

sebagai Penggerusi Lembaga Pengarah Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS).

Ketika menumpukan perniagaan sekarang, Clarence terus diberi kepercayaan Ketua Menteri untuk menganggotai Majlis Penasihat Ekonomi Sabah dan Ahli Lembaga Pengarah Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF).